

Keadilan tidak akan dicapai tanpa bukti kukuh — PM

1998 24 OCT 2007

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keadilan, tidak akan dicapai sekiranya kerajaan terburu-buru menghadapkan seseorang pesalah korporat termasuk dalam kes penyelewengan Perwaja ke mahkamah tanpa bukti kukuh.

Tegas Perdana Menteri, jika tindakan sedemikian diambil kemungkinan yang berlaku adalah mereka yang dihadapkan ke mahkamah akhirnya terlepas begitu sahaja dari tindakan undang-undang.

Katanya, tindakan undang-undang juga tidak berkesan jika pembawaan sesuatu kes ke mahkamah dibuat dalam keadaan marah dan benci terhadap seseorang.

“Maklumat yang kita dapat perlu dibawa ke mahkamah. Kalau kita bawa (sesuatu kes) ke mahkamah awal-awal kerana kita marah atau benci orang, kemungkinan ialah kita kalah di mahkamah... lepas itu tidak ada sesiapa pun dikenakan tindakan undang-undang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Datuk Megat Najmuddin Megat Khas semalam yang melahirkan rasa kecewanya terhadap kelewatan siasatan salah laku korporat melibatkan kerugian berbilion ringgit.

Menurutnya, siasatan yang dilakukan terhadap syarikat-syarikat besar memakan masa lama.

Kata Megat Najmuddin lagi: “Sebagai contoh, bagaimana dengan kes Perwaja? Kita tidak boleh membiarkan penyangak melarikan duit begitu sahaja.”

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, Megat Najmuddin boleh bekerjasama dengan kerajaan menyelesaikan kes-kes membabitkan salah laku korporat jika dia mempunyai maklumat.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, *The Asian Wall Street Journal (AWSJ)* bertindak bodoh sekiranya akhbar itu mempunyai agenda mengaitkan “Malaysia dengan keganasan selepas memuatkan gambar bendera Malaysia dalam berita mengenai Indonesia dan Pakistan hari ini. [AWSJ minta maaf di muka 12]

Tegas Perdana Menteri, beliau sebenarnya tidak faham mengapa AWSJ dibaca orang kerana motifnya hanya semata-mata untuk melariskan jualan sahaja.

“Kita boleh kata dia bodohlah (jika ada agenda kaitkan Malaysia dengan keganasan).” katanya.

Laporan AWSJ itu memuatkan gambar bendera Malaysia dalam berita mengenai Indonesia dan Pakistan.

Artikel bertajuk *Megawati dilemma mirrors Pakistan's* itu disiarkan di muka depan edisi AWSJ hari ini.